

05 Ogos 2024

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FELDA

GUGUSAN TRIANG

FELDA GUGUSAN TRIANG telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan FELDA GUGUSAN TRIANG. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 6 rancangan yang diuruskan oleh FELDA GUGUSAN TRIANG.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA GUGUSAN TRIANG pada 09-12.09.2024. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Felda Kumai (Organised smallholders)	Pejabat FELDA Kumai, 28200 Bandar Bera, Pahang	2521.34	N 3° 16' 01.0" E 102° 37' 32.0"
Felda Rentam (Organised smallholders)	FELDA Rentam, Mukim Bera, 28200 Bera, Pahang	2029.01	N 3° 16' 0.84" E 102° 37' 34.6"
Felda Sebertak (Organised smallholders)	Pejabat FELDA Sebertak, 28200 Bandar Bera, Pahang	1786.54	N 3° 15' 24.3" E 102° 35' 11.6"
Felda Tementi (Organised smallholders)	Pejabat FELDA Tementi, 28200 Bandar Bera, Pahang	2460.78	N 3° 9' 39.88" E 102° 21' 47.2"
Felda Triang 01 (Organised smallholders)	Pejabat FELDA Triang 01, 28200 Bera, Pahang	934.12	N 3° 15' 31.2" E 102° 33' 56.5"
Felda Triang 03 (Organised smallholders)	Pejabat FELDA Triang 03, 28200 Bera, Pahang	1075.33	N 3° 15' 30.7" E 102° 33' 56.2"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA GUGUSAN TRIANG terdiri daripada:

- i) En. Ermadasila bin Mohamad sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Azmi bin Adnan sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Mohd Rizal bin Md Kassim sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Mohd Johari bin Md Kassim sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 10.09.2024
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Pejabat FELDA Triang 01, 28200 Bera, Pahang

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.